

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.11.2016**

**Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan mendepani ancaman krisis perbankan yang mungkin merebak kepada sistem kewangan dunia seperti Laporan *Bank for International Settlements* (BIS).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem perbankan negara adalah tertakluk kepada piawaian antarabangsa dan menggunapakai amalan terbaik antarabangsa. Kekuahan sistem perbankan negara merupakan hasil usaha menyeluruh dan berterusan yang dilaksanakan sejak krisis kewangan Asia.

Kekuahan sistem perbankan negara turut diperakui oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menerusi penilaian tahunannya. Selain itu, menerusi Program Penilaian Sektor Kewangan (*Financial Sector Assessment Program*, FSAP), IMF dan Bank Dunia (*The World Bank*) turut mengesahkan bahawa rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang diguna pakai oleh sistem kewangan negara adalah setara dengan piawaian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem perbankan negara turut mempamerkan daya ketahanan yang kukuh dan berupaya berhadapan dengan kejutan ekonomi dan kewangan. Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, tahap potensi penularan langsung dan tidak langsung, iaitu kepada sistem perbankan Malaysia daripada masalah sistem perbankan luar negeri; dan daripada sistem perbankan Malaysia kepada bank-bank merentas sempadan dalam ekonomi serantau, didapati terkawal dan terhad.

Selain itu, Bank Negara Malaysia turut mengambil langkah yang meluas untuk menangani risiko kepada kestabilan kewangan, termasuk pengaturan kerjasama antara agensi pada peringkat dalam negeri dan serantau bagi memudahkan pertukaran maklumat dan penyelarasan dasar yang berkesan serta rangka kerja penyeliaan bersepadu yang memastikan pengurusan risiko di cawangan dan subsidiari luar negeri berada dalam keadaan terkawal.